

Bangunan Perdana Putra capai platinum GBI

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD/NAR
pengarang@utusan.com

ARKIB : 09/09/2014



NAJIB Tun Razak diiringi Muhyiddin Yassin meninjau sekitar Bangunan Perdana Putra yang diiktiraf bangunan hijau berprestasi tinggi selepas penyerahan sijil platinum GBI oleh Kumpulan KFM Holdings Sdn. Bhd. Turut kelihatan Nurolamin Abas (depan, kiri) dan Fardan Abdul Majid (kanan). - UTUSAN/RASHID MAHFOF

PUTRAJAYA 8 Sept. - Bangunan Perdana Putra yang menempatkan pejabat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, pejabat Ketua Setiausaha Negara serta agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) berjaya mencapai penarafan platinum dalam indeks bangunan hijau (GBI).

Kejayaan itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapannya pada majlis penyerahan sijil platinum GBI di bangunan berkenaan, di sini hari ini.

Hasil kejayaan tersebut Perdana Menteri berkata, Bangunan Perdana Putra kini merupakan salah satu bangunan yang paling cekap tenaga di Malaysia dan dikategorikan sebagai bangunan hijau berprestasi tinggi.

"Saya berharap kejayaan ini mampu menjadi pemangkin kepada inisiatif serupa di seluruh Malaysia," katanya ketika berucap pada majlis tersebut yang turut dihadiri oleh Timbalan beliau, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Selain Muhyiddin, yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Ketua Eksekutif Kumpulan KFM Holdings Sdn. Bhd., Nurolamin Abas dan Naib Presiden Eksekutif KFM Holdings, Fardan Abdul Majid.

KFM Holdings telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan usaha-usaha menjadikan Bangunan Perdana Putra sebagai bangunan hijau, sekali gus menyaksikan bangunan itu ditingkatkan dari segi kecekapan tenaga.

Dalam perkembangan berkaitan, Najib berkata, sejajar dengan kejayaan Bangunan Perdana Putra

sebagai bangunan hijau, tahap kecekapan tenaga yang dihasilkan di bangunan tersebut ketika ini lebih satu pertiga berbanding sebelumnya.

"Pada 2010 kadar intensiti (keamatan) tenaga bangunan di Perdana Putra adalah sebanyak 138 tetapi pada masa ini kadarnya cuma 85 sahaja," katanya lagi.

Perdana Menteri dalam ucapannya turut melahirkan harapan untuk melihat seluruh Putrajaya berubah menjadi sebuah bandar hijau dan pintar yang mampu memperlihatkan kemajuan ekonomi dan teknologi di negara ini.

Terdahulu pada awal ucapannya Najib memberi penekanan mengenai senario perubahan iklim yang boleh mengancam kehidupan manusia khususnya generasi akan datang sekiranya tiada langkah sewajarnya diambil.

"(Oleh itu) Semasa Sidang Kemuncak Iklim Copenhagen 2009, saya telah berikrar untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sehingga 40 peratus menjelang tahun 2020.

"Ikrar ini dibuat atas dua sebab utama. Pertama, menjadi tanggungjawab kepada semua pihak untuk menghalang sebarang bahaya akibat perubahan iklim ini. Perubahan iklim boleh mengancam kehidupan kita, oleh itu kita semua mesti bertindak mengurangkan pelepasan bagi menjamin masa depan anak-anak kita," katanya.

Sebab kedua beliau berkata, melalui langkah-langkah mengurangkan pelepasan terutama menangani pencemaran karbon dengan menggunakan teknologi baik untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.